



SEGULUNG IJAZAH ... Dr Mohd Harun menyampaikan ijazah kepada Emy.

Graduan istimewa terima ijazah Konvokesyen ke-16 UMS

OLEH MARRYAN RAZAN

marryan@newsabahtimes.com.my

NST 25-11-14

KOTA KINABALU: Ketinggian dan saiz badan bukan ukuran mencapai impian menggenggam segulung ijazah. Ini dibuktikan oleh Emy Aridah Aripin yang berketinggian 98cm dan berat badan 24 kilogram.

Graduan istimewa berusia 26 tahun dan berasal dari Kampung Inuman Beaufort itu menerima Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Dengan Kepujian pada Konvokesyen ke-16, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Anak sulung daripada lima orang adik beradik itu berkata walaupun tidak seperti insan normal yang lain namun ia tidak pernah menghalangnya untuk mencapai impian hidup.

"Hari ini saya sangat gembira dan hari bersejarah bagi saya," katanya yang menjadi tumpuan ribuan graduan dan ibu bapa apabila menaiki pentas menerima ijazah, pada majlis itu.

Walaupun bertubuh badan kecil dan pendek namun Emy bercita-cita tinggi dan berjiwa besar. "Perancangan saya pada masa akan datang ialah untuk meneruskan pengajian sehingga ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang yang sama".

Lihat Muka 2



GEMBIRA ... Emy bersama rakan-rakan baiknya.

Dari Muka 1

“Sekarang saya bekerja sebagai pembantu perakaunan dan juruaudit di syarikat SC Yong & Chia sejak September lepas,” katanya yang menamatkan pengajian di UMS pada Ogos tahun ini.

Emy berkata sebelum meneruskan pengajian di UMS pada tahun 2010, dia mengambil Diploma Perakaunan di Politeknik Kota Kinabalu dari tahun 2007 hingga 2009.

“Saya amat bersyukur dan rasa bertuah kerana sentiasa mempunyai kawan-kawan yang baik hati, memahami dan

membantu saya sejak sekolah rendah sehinggalah sekarang.

“Sepanjang pengajian di Politeknik dan di UMS, saya terutang budi dengan tiga orang rakan saya iaitu

Noor Kaziemah Sariman, Hazimah Zaiman dan Azizah Abdul Kadir. Mereka lah yang banyak membantu saya. Kami belajar secara berkumpulan. Kami seperti adik beradik,” katanya.

Emy berkata dia juga tidak menghadapi masalah untuk pergi ke kelas setiap hari kerana dia satu kelas dengan

rakan baiknya Noor Kaziemah.

Selain bantuan daripada rakan karibnya, dia juga mendapat bantuan dan sokongan daripada keluarga dan para pensyarah UMS yang amat prihatin.

Jubah yang dipakainya pada majlis itu direka khas oleh pihak UMS.

Penganugerahan ijazah kepada graduan UMS pada hari terakhir konvokesyen itu disempurnakan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr.Mohd Harun Abdullah.